



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 24/01/2018 |

Tanding lebih 130 Parlimen 'angan-angan Mat Jenin'

BH - 24/1/2018 Pg. 6

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan hasrat PAS bertanding di lebih 130 kerusi Parlimen pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) sebagai 'angan-angan Mat Jenin'.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu berkata, PAS kadang kala hanya memenangi satu kerusi Parlimen, namun parti itu masih mempunyai cita-cita tinggi.

"Mereka (PAS) mahu bertanding di lebih 100 kerusi (Parlimen), biarlah mereka bertanding kerana tujuan PAS menyertai pilihan raya hanya untuk memecahkan undi (parti) yang menentang, yang akan pergi kepada PH, jadi BN (Barisan Nasional) akan menang," katanya di sini, semalam.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, baru-baru ini berkata, parti itu akan bertanding lebih 130 kerusi Parlimen pada PRU-14, dengan harapan memperoleh sekurang-kurangnya majoriti mudah.

PAS patut tinggalkan kerajaan Selangor

Ditanya sama ada PAS perlu meninggalkan kedudukan dalam Kerajaan Selangor selepas Abdul Hadi menyatakan hasrat menawan negeri itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) berkata, PAS sepatutnya meninggalkan kerajaan negeri.

"Saya tidak nampak mengapa (PAS tidak meninggalkan kerajaan Selangor)... sudah tentu ia selesa," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, PH akan memastikan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri hanya terhad kepada dua penggal saja jika pakatan itu memenangi PRU-14.

"Saya ialah Perdana Menteri yang berkhidmat paling lama tetapi kita tidak boleh ada lagi sesiapa yang mahu berkhidmat lebih lama daripada saya.

"Kita boleh benarkan mereka berkhidmat dua penggal saja, cukup untuk melaksanakan apa yang dirancang," katanya.